



Cari aksi panas badan



■ Johnathan harap dapat sertai empat siri kejohanan Piala Dunia

Oleh Aziman Rosdi

aziman@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Selepas mela-kar kejutan dengan me-raih pingat emas di Kejohanan Menem-bak Kelayakan Olimpik di New Delhi, India Isnin lalu, penembak elit negara Johnathan Wong (*gambar*) ber-harap dapat beraksi dalam empat siri kejohanan Piala Dunia tahun ini se-bagai pemanas ba-dan sebelum ke Sukan Olimpik Rio Ogos nanti.

Johnathan yang memenangi acara 10m Air Pistol Individu Lelaki di ke-johanan kelayakan itu sekali gus me-nempah tiket ke Rio berkata, dia mahu-

kan lebih banyak pendedahan di ke-johanan kompetitif tahun ini berbanding latihan di luar negara.

"Setakat ini segala perancangan belum pasti kerana saya masih perlu berbin-cang dengan ju-rulatih Has-him Desa dan pi-hak per-sa-tu-an Ji-ka mahu berlatih di luar ne-gara mesti perlu tujuan yang kukuh bagi memastikan latihan itu tidak sia-sia. Kalau dapat berlatih bersama penembak handa-lan luar negara pasti

lebih bagus.

"Tapi pada saya, menyertai kejoha-nan di luar negara lebih baik bagi per-sediaan saya ke Sukan Olimpik Rio. Tahun ini ada empat Kejohanan Siri Piala Dunia di Bangkok,

Thailand pada Mac, Rio de Janiero, Brazil (Ap-ril), Mu-nich, Jerman (Mei)

serta Azer-

baijan (Jun) dan saya harap dapat diberi pelu-ang," katanya kepada Arena Metro se-malam.

Johnathan, 24, ki-ni sedang bercuti bersama keluarga di

Melaka sempena sambutan Tahun Baru Cina selepas pulang dari New Delhi dan akan kembali memula-kan latihan pada 15 Februari.

Bagi memastikan persiapan terbaik sebelum beraksi di Sukan Olimpik Rio, dia bercadang un-tuk menangguhkan pengajiannya di Universiti Putra Malaysia (UPM) ta-hun ini.

"Saya bercadang untuk menangguh-kan pengajian saya tahun ini, kerana saya fikir adalah baik untuk saya memberikan tum-puan sepenuhnya kepada latihan se-belum ke Sukan Olimpik," kata pe-nuntut jurusan Ke-juruteraan Aero-angkasa itu.

FAKTA
Empat Kejohanan Siri Piala Dunia di Thailand, Brazil, Jerman dan Azerbaijan